

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

SOALAN

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan senarai projek wakaf air yang dirancang untuk dilaksanakan di negeri Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 25 Oktober 2021 Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah menerima sembilan (9) permohonan projek Wakaf Air di negeri Kelantan dan satu (1) daripadanya telah pun siap sepenuhnya pada 23 Mei 2021 iaitu projek Wakaf Air di Kampung Baru Sungai Mengkuang, Dabong, Kuala Krai Kelantan dengan kos sebanyak RM 40,525.00.
2. Enam (6) projek Wakaf Air di negeri Kelantan adalah berstatus Dalam Pelaksanaan dimana lima (5) daripadanya melibatkan kawasan Kuala Krai dan satu (1) di Pasir Puteh.
3. Baki dua (2) projek iaitu di Kampung Chuchoh Puteri (A), Manik Urai, Kuala Krai dan Kampung Seberang Baruh serta Kampung Bukit Nangka di Tanah Merah, Kelantan ditangguhkan oleh Jawatankuasa Induk Wakaf Air kerana skop projek tidak dinyatakan dengan jelas oleh pemohon.
4. Secara umum, Wakaf Air merupakan salah satu (1) daripada enam (6) bentuk pembiayaan alternatif perkhidmatan bekalan air secara tidak bersambung (*Off Grid*) dan perancangan projek ini dibuat berdasarkan permohonan dari wakil penduduk atau melalui Majlis Agama Islam Negeri dan senarai projek yang dirancang tetapi tidak dapat dibiayai dari peruntukan Persekutuan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ (BACHOK)**

SOALAN

**TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan tegas terhadap majikan
yang masih menggajikan golongan pekerja asing yang telah tamat tempoh
dan PATI.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesalahan menggaji pendatang asing tanpa izin (PATI) adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) yang boleh dikenakan hukuman tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali bagi setiap orang PATI yang diambil bekerja. Bagi majikan yang menggaji PATI lebih dari 5 orang boleh dikenakan penjara tidak kurang 6 bulan tetapi tidak lebih 5 tahun dan boleh dikenakan tidak lebih 6 sebatan.

Sehubungan itu, bagi menangani masalah ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia komited dalam melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan. Mulai 1 Januari sehingga 14 Oktober 2021, sebanyak 3,517 operasi dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan seramai 84,135 warga asing diperiksa dengan tangkapan seramai 8,687 orang PATI beserta 134 orang majikan. Daripada jumlah tersebut, seramai 32 orang majikan telah ditangkap atas kesalahan menggaji PATI iaitu kesalahan dibawah Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63.